



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

PENGAPLIKASIAN KOD QR DALAM SENI FOTOGRAFI

MUHAMAD NURAMIN BIN MD ZAINI

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keujian

(Seni Halus)

2017

PENGAPLIKASIAN KOD QR DALAM SENI FOTOGRAFI

MUHAMAD NURAMIN BIN MD ZAINI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the Thursday of June 2017.

Student's Declaration:

I MUHAMAD NURAMIN BIN MD ZAINI (47728) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART Shereby declare that the work entitled **PENGAPLIKASIAN KOD QR DALAM SENI FOTOGRAFI** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

MUHAMAD NURAMIN BIN MD ZAINI (47728)

Date Submitted

Supervisor's Declaration:

I ASSOCIATE PROF. HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN hereby certifies that the work entitled **PENGAPLIKASIAN KOD QR DALAM SENI FOTOGRAFI** prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____
(PROF. MADYA HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(Date: _____)

Supervisor signature: _____
(Date: _____)

Current Address:

T/L 3/1 Kampung Parit Mahang Darat, Jalan Parit Botak, 83200, Senggarang, Batu Pahat, Johor.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **PENGAPLIKASIAN KOD QR DALAM SENI FOTOGRAFI** telah disediakan oleh **MUHAMAD NURAMIN BIN MD ZAINI** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(PROF. MADYA HJ. ZUKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Tarikh:

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **MUHAMAD NURAMIN BIN MD ZAINI** disertai penulisan yang bertajuk **PENGAPLIKASIAN KOD QR DALAM SENI FOTOGRAFI** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:

(PROF. MADYA HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Penyelia

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke atas Ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa, tenaga yang dianugerahkan kepada saya, dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia tercinta saya, Professor Madya Haji Zulkalnain Bin Zainal Abidin kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya yang memberi saya pemudah cara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberikan peringatan terhadap setiap kesilapan yang saya lakukan. Mereka membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN TESIS / LAPORAN	i
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	ix
1. PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kajian Lepas (Kajian Literatur)	3
1.3 Kenyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan	10
2. METODOLOGI PENYELIDIKAN	11
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Kajian Ilmiah	11
2.2.1 Kaedah Kualitatif	11
2.2.2 Kaedah Primer	12
2.2.3 Kaedah Sekunder	12

3.	PERBINCANGAN	14
3.1	Tafsiran Istilah	14
3.2	Penyelidikan	15
4.	DAPATAN KAJIAN	19
4.1	Pendahuluan	19
4.2	Penyataan Karya	19
4.2.1	Kod QR	21
4.2.2	Katak Borneo	38
4.2.3	Gender Di Malaysia	43
4.3	Proses Penghasilan Karya	44
4.4	Kepentingan Kajian	54
5.	RUMUSAN	55
	BIBLIOGRAFI	57
	LAMPIRAN	60

ABSTRAK

Kajian ini menfokuskan kepada pengaplikasian kod QR dalam seni fotografi. Pengkaji akan melakukan kajian bagaimana cara untuk melakukan suntingan terhadap kod QR bagi menambah nilai estetika tanpa menjejaskan bacaan kod supaya kod dapat di imbas dengan telefon pintar. Sebuah karya telah dihasilkan melalui dapatan kajian.

ABSTRACT

This study focuses on the application of the QR code in photography art. The researcher will undergo a series of studies on QR code editing methods in order to add more aesthetic value to the work without affecting the code reading when scanning through smartphone. An artwork was created based on the research findings.


1) PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Jika kita lihat perkembangan seni tampak, ia bermula dengan kaedah konvensional dan berkembang kepada kaedah yang lebih moden iaitu digital mengikut peredaran zaman. Melalui pengamatan pengkaji, kebanyakan artis dahulu menggunakan teknik konvensional iaitu catan. Contoh artis mural yang menggunakan teknik konvensional Jean-André Rixens salah seorang artis catan yang menghasilkan karya berbentuk mural di dinding dan siling. Menurut Seligman (1987) mural ialah karya seni sama ada dalam bentuk catan, mozek, kolaj, timbulan dan fotografi dihasilkan di kawasan tertentu dengan komposisi yang mampu mempengaruhi audiens di persekitaran. Pada masa kini, penghasilan karya peribadi haruslah di majukan dengan teknologi elektronik. Contohnya penghasilan karya berbentuk mural sama ada menggunakan kaedah catan, mozek, kolaj, timbulan atau fotografi haruslah diserapkan dengan teknologi elektronik seperti penggunaan aplikasi komputer, digital kamera, sensor dan sebagainya mengikut peredaran zaman.

Kajian ini dijalankan bagi memberi kefahaman yang lebih terperinci kepada pengkaji bagaimana untuk menghasilkan karya peribadi menggunakan teknologi aplikasi telefon pintar pada masa kini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) teknologi ialah kaedah atau proses menangani sesuatu masalah teknikal melalui maklumat iaitu pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat secara elektronik. Pengaplikasian teknologi telefon pintar mampu membantu pengkaji dalam penghasilan karya peribadi sama ada berbentuk komunikasi visual atau interaktif dengan lebih berkesan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) peranti

elektronik merupakan alat yang dibina melalui kaedah teknologi elektronik berdasarkan ilmu fizik serta berkaitan dengan gerak laku, pembangunan, dan aplikasi yang berada di sebalik litar dan peranti elektronik. Salah satu peranti elektronik yang selalu dibawa ke mana sahaja dan dimiliki oleh semua lapisan masyarakat Malaysia ialah peranti telefon pintar. Pengkaji juga ingin menghasilkan karya yang berbentuk interaktif. Menurut kamus Dwibahasa Oxford Fajar (2001) Interaktif berasal dari kata dasar interact yang membawa maksud saling bertindak, berbalas tindak dan berinteraksi. Manakala dalam kata sebenar interaktif pula, ia membawa makna bersifat interaksi.



Gambar 1 "Data yang diperoleh oleh tahun 2015": Google.

Google (2015) menyatakan bahawa 91% masyarakat Malaysia menggunakan peranti telefon pintar ketika menonton television, 36% pengguna mengakses internet menggunakan telefon pintar dan 20% pengguna membuat pembelian dalam talian menggunakan telefon pintar. Menurut Google (2005), berdasarkan data yang diperoleh, Malaysia merupakan negara tertinggi dalam penggunaan *multi-screen*. Perkara ini membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat memiliki peranti telefon pintar. Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji tertarik dan ingin mengkaji tentang penggunaan peranti telefon pintar dalam penghasilan karya peribadi.

1.2 KAJIAN LEPAS (KAJIAN LITERATUR)

Diego Rivera merupakan pelukis Mexico yang terkenal. Beliau mengembangkan karya dengan idea-idea yang baru serta karya yang beliau hasilkan diserap dengan nilai-nilai sejarah, sosial, dan politik. Diego Maria Rivera dan saudara kembarnya ,Carlos lahir di Guanajuato di Mexico pada 8 Disember 1886. Diego Maria Rivera banyak menghasilkan karya pada tahun 1930 dan 1933. Antara karya beliau yang popular ialah karya yang di hasilkan semasa beliau berada di San Francisco. Beliau telah melukis mural untuk “*Klub Bursa Efek Luncheon*” dan “*Sekolah California of Fine Arts*”. Dua tahun kemudian karya tersebut telah di pameran di “*Museum of Modern Art*” di “*New York City*”. Karya “*Fresco Di Detroit Institute Of Arts (1933)*”, menggambarkan kehidupan industri di Amerika Syarikat salah satu karya terkenal yang dihasilkan oleh beliau. Kebanyakan hasil karya beliau menggunakan medium catan dan beliau tidak mengaplikasikan teknologi elektronik pada karya yang beliau hasilkan.



Gambar 2 “ Detroit Industry, South Wall, (1932–33). Detroit Institute of Arts”: Diego Rivera.

Karim Raslan merupakan artis Malaysia yang terkenal dalam penghasilan karya manipulasi fotografi. Antara karya yang beliau hasilkan ialah bertajuk “*Simryn Gill*” yang di hasilkan pada tahun 2002 dan di pameran di pameran “*Identiti Inilah Kami*” yang berlangsung pada 15 April hingga 30 Jun 2002 bertempat di Balai Seni Visual Negara. Beliau memanipulasi imej dengan mengubah kepala model menjadi buah-buahan tempatan berlatarbelakangkan suasana ruang tamu masyarakat Melayu di Malaysia. Beliau melakukan manipulasi fotografi menggunakan perisian komputer. Maksud yang ingin disampaikan oleh beliau melalui karya yang dihasilkan ialah walau di mana pun kita berada, tempat tumpahnya darah tak akan dilupakan dan akan sentiasa terpahat di hati.



Gambar 3 “Simryn Gill (2002)” : Karim Raslan.


Pengkaji merujuk, Alberto Sabek artis yang berasal dari Spanyol sebagai artis rujukan di dalam mengkaji aplikasi yang digunakan dalam penghasilan karya beliau. Antara karya yang dirujuk ialah mengenai potret seorang wanita yang memakai baju kurung merah bersama seekor harimau. Lukisan yang berkonsepkan manusia dan harimau itu dihasilkan dengan menyatakan bahawa harimau merupakan haiwan yang sinonim dengan negeri Johor serta wanita berbaju kurung bercorak bunga raya yang merupakan bunga kebangsaan.

Menurut Sabek (2016) lukisan wanita bersama harimau berkenaan berlatarbelakangkan pelbagai jenis daun. Dengan imaginasi, beliau menterjemahkan kepada mural untuk mengabdikan sejarah berkenaan sambil menunjukkan hubungan di antara manusia dan haiwan.




Gambar 4 “Potret Wanita Berbaju Kurung”: Alberto Sabek.

Artis rujukan seterusnya bernama Kyle Trowbridge. Beliau telah menghasilkan karya yang bertajuk “*The Politics Of Time*” pada tahun 2012 dan telah dipamerkan di *Galeri Emerson Dorsch*. Beliau telah menyapu cat di permukaan kanvas berukuran 8 kaki persegi dan karya yang dihasilkan lebih dari 2 buah mengikut siri. Karya beliau berbentuk geometri abstrak dan interaktif kerana audiens akan mengimbas *kod QR* untuk melihat luahan hati beliau melalui visual tipografi yang tertera di peranti telefon pintar audiens. Karya beliau menceritakan tentang masyarakat di kawasan yang beliau diami telah dikuasai oleh politik teknologi pada masa kini. Setiap orang akan menggunakan kod seperti membuat bayaran, melayari laman sosial dan sebagainya. Pada masa kini masyarakat tidak lagi berinteraksi secara berdepan dengan masyarakat lain sebaliknya berinteraksi dengan peranti seperti komputer dan telefon pintar seterusnya jalur lebar akan menyampaikan maklumat tersebut. Menurut beliau teknologi memudahkan masyarakat tetapi kita tidak akan bergaul dengan masyarakat.



Gambar 5 “ Karya Kyle Trowbridge dipamerkan di Galeri Emerson Dorsch (2012)”.




Gambar 6 “ The Politics Of Time Siri QR.7302046 (2012) ”: Kyle Trowbridge.



Gambar 7 “ The Politics Of Time Siri QR. 7947423 (2012) ”: Kyle Trowbridge.

Scott Blake merupakan artis dalam seni elektronik yang menggunakan *kod QR*. Beliau telah menyiapkan karya yang bertajuk “ *QR Code Amy Goodman*” pada tahun 2011 dan dipamerkan di “ *Verment Studio Center , 2011*”. Karya beliau menceritakan tentang potret *Amy Goodman* merupakan wartawan dan pengacara berita demokrasi bebas. Lebih dari 2304 *kod QR* telah disusun membentuk potret wajah *Amy Goodman*. Setiap *kod QR* yang diimbas akan memaparkan koleksi video *Amy Goodman*. Scott Blake mengambil masa 9 tahun untuk mengumpul video *Amy Goodman* di laman web.



Gambar 8 “ *Qr Code Amy Goodman (2011)* ”: Scott Blake.

1.3 KENYATAAN MASALAH

Melalui pemerhatian pengkaji, kaedah konvensional menjadi pilihan kerana ia mudah untuk di lakukan serta kaedah ini sudah lama dikaji dan tekniknya sedia ada, manakala kaedah moden menggunakan sumber teknologi elektronik seperti penggunaan peranti telefon pintar yang harus dikaji lebih mendalam kerana kaedah ini mengikut peredaran zaman. Kaedah konvensional menjadi pilihan kerana artis pada masa kini membuat kajian berdasarkan pengalaman artis terdahulu yang pernah membuat kajian kos untuk medium dan peralatan lebih berpatutan berbanding dengan kaedah moden kerana peranti elektronik melibatkan modal yang mahal. Permasalahan kajian adalah bagaimana cara untuk melakukan suntingan terhadap *kod QR* bagi menambah nilai estetika tanpa menjejaskan bacaan kod supaya kod dapat di imbas dengan telefon pintar.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menganalisis maksud dan kepentingan kod QR dalam karya peribadi.
- 2) Mengenal pasti aplikasi yang sesuai untuk digunakan dalam menghasilkan serta mengimbas kod QR.
- 3) Mengaplikasikan penggunaan kod QR dalam penghasilan karya berbentuk fotografi.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah maksud dan kepentingan kod QR dalam karya peribadi ?
- 2) Apakah aplikasi yang sesuai untuk digunakan dalam menghasilkan serta mengimbas kod QR ?
- 3) Bagaimanakah penggunaan kod QR dalam penghasilan karya berbentuk fotografi ?

2) METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 PENDAHULUAN

Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat kajian ini ialah kaedah kualitatif. Metodologi kajian merupakan cara-cara atau proses bagi menjalankan kajian serta pendekatan untuk mengumpulkan data yang berkaitan dengan penyelidikan dalam menganalisis data melalui buku-buku, laman web, jurnal, artikel dan data sekunder merupakan data kedua yang dikumpul untuk membantu mendapatkan maklumat tambahan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas dan terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah membantu dengan membuat huraian tentang proses kajian.

2.2 KAJIAN ILMIAH

2.2.1 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah metodologi yang bakal digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif. Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dengan cara mengumpul data melalui pembacaan buku-buku ilmiah dan laman web berkenaan *kod QR*, fotografi dan aplikasi telefon pintar. Pengkaji juga akan mengkaji jurnal kajian literatur melalui pembacaan seterusnya pengkaji akan merekod data jurnal tersebut. Tujuan pengumpulan data sebagai rujukan pengkaji dalam menghasilkan karya peribadi pengkaji.

2.2.2 KAEDAH PRIMER

a) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dapat dilakukan selepas selesai proses eksperimen terhadap pemilihan subjek untuk dijadikan karya serta kaedah instalasi yang ingin digunakan. Pengkaji juga ingin melihat reaksi audiens dalam memahami penggunaan aplikasi telefon pintar.

b) Fotografi

Pengkaji akan menggunakan kaedah ini bagi merakam imej seterusnya melakukan manipulasi terhadap imej dengan meletakkan *kod QR*. Hasil rakaman imej ini dapat dijadikan sebagai bahan dokumentasi kajian. Hal ini dapat dijadikan sebagai sumber kepada kaedah pemerhatian serta eksperimentasi.

2.2.3 KAEDAH SEKUNDER

a) Eksperimentasi

Pengkaji melakukan eksperimentasi, sebelum pengkaji menghasilkan karya yang sebenar. Pengkaji telah menjalankan eksperimentasi terhadap pemilihan subjek yang sesuai digunakan dalam penghasilan karya berdasarkan pengalaman pengkaji. Selain itu, pengkaji menganalisis aplikasi telefon pintar yang sesuai digunakan bagi menyampaikan isu dengan jelas kepada audiens.

b) Artis Rujukan

Selain itu, pengkaji turut mendapatkan maklumat melalui kajian terhadap karya-karya artis terdahulu yang akan digunakan sebagai sumber rujukan dalam menghasilkan karya peribadi pengkaji.